

## Lawatan Latihan Industri ke Kuching, Sarawak



Lawatan Industri bagi pelajar di sekitar kawasan Kuching, Sarawak diadakan pada 19 Julai 2010 hingga 22 Julai 2011. Seramai 27 orang pelajar yang menjalankan LI mereka di Jabatan Kerajaan mahupun Swasta. Beberapa orang pelajar yang mendapat tempat LI melalui program lawatan sambil belajar contohnya yang dilakukan oleh Program Fizik dengan Elektronik yang mengadakan lawatan sambil belajar pada 10 April 2010 hingga 18 April 2010. Usaha ini dilihat sebagai salah satu langkah memudahkan pelajar mendapatkan tempat LI dengan lebih mudah. Selain itu seorang pelajar yang bernama Tony Mahony Sie daripada Program Fizik dengan Elektronik pula telah ditawarkan bekerja terus oleh majikan latihan industrinya iaitu Syarikat X-Fab. Terdapat juga pelajar yang berjaya menghasilkan satu

penulisan saintifik iaitu Sandra Wee Hui Yee (Program Matematik dengan Komputer Grafik) dengan penyelianya Encik Haburi Hamdan daripada Jabatan Meteorologi Kuching, Sarawak. Penulisan mereka bertajuk Influence of Temperature and Dew Point on Rainfall. Para pelajar disarankan untuk mengikut jejak langkah positif ini dalam mempraktikkan ilmu yang dipelajari. Secara keseluruhannya hampir kesemua majikan LI berpuas hati dengan prestasi pelajar UMS khususnya SST dan memberikan respon positif dalam meneruskan program LI ini. Sesi lawatan berjalan dengan baik dan pensyarah pelawat selamat pergi dan kembali.

Artikel oleh: Ag. Sufiyan Abdul Hamid